

# Tujuh ciptaan penyelidik UMS menang di Pameran Rekacipta Antarabangsa di Geneva

OLEH FLORIETA DIET

**KOTA KINABALU:** Hasil ciptaan anak tempatan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila tujuh hasil ciptaan para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) memenangi medal di Pameran Rekacipta Antarabangsa ke-32 di Geneva.

Ketujuh-ketujuh medal iaitu satu emas, lima perak dan satu gangsa.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Dr Zainodin Hj Jubok ketika ditemui di balai ketibaan Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu kelmarin berkata, kejayaan berkenaan merupakan pencapaian baik apabila seramai 12 anak tempatan membawa pulang tujuh medal daripada lapan rekaan yang dipertandingkan.

"Pencapaian para penyelidik kita amat membanggakan dimana ciptaan mereka berjaya menarik minat para pengadil di antara 1000 rekaan dan pembaharuan rekaan dipamerkan daripada 42 negara di seluruh dunia yang mengambil bahagian.

"Ini adalah kali pertama UMS menghantar penyelidikannya yang diketuai oleh Naib Canselor UMS Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman ke pameran yang terbesar di dunia sejak ditubuhkan 10 tahun lepas.

"Pameran yang diadakan setiap tahun ini yang dinantikan oleh ramai penyelidik.... sekiranya mereka ingin rekaan mereka klasifikasikan bertaraf dunia mereka perlu menyertai



**DIIKTIRAF...Prof Zainodin (dua dari kiri) dan Prof Dr Sazali (kanan) menunjukkan dua daripada tujuh medal yang dimenangi.**

pameran ini di Geneva," katanya menambah kejayaan berkenaan adalah hasil usaha daripada para penyelidik terdiri daripada para pensyarah dan pelajar.

Katanya lagi, pameran yang berlangsung selama lima hari bermula pada 31 Mac dapat memberi peluang kepada penyelidik mendedahkan hasil ciptaan mereka di peringkat antarabangsa. Selain itu, ia salah satu langkah untuk mengiktirafkan UMS di peringkat antarabangsa iaitu sejajar dengan impian Naib Canselor.

Tambahnya, UMS akan menghantar para penyelidiknya di pameran yang sama pada masa akan datang di Geneva sekiranya mendapat kelayakan selepas pameran di peringkat

kebangsaan.

Sementara itu Profesor Madya & Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS Dr Sazali Yaacob berbangga apabila para penyelidik sekolah kejuruteraannya berjaya mendapat medal emas dan perak bagi kedua-dua hasil ciptaannya.

Hasil ciptaan sekolahnya iaitu Projek Bantuan Pengudaraan dengan Menggunakan Tempurung Kelapa Sawit mendapat medal emas dan medal perak bagi Projek Alat Bantuan Orang Buta.

"Kedua-dua projek ini adalah menggunakan bahan tempatan dengan kos yang rendah. Bagi projek bantuan pengudaraan menggunakan bahan buangan iaitu tempurung kela-

pa sawit, kami mengambil masa lima tahun dan empat tahun bagi projek alat bantuan orang buta," katanya.

Menurut beliau, Projek Bantuan Pengudaraan adalah satu rekaan daripada sebuah bata berlubang yang mempunyai sistem pengudaraan menggunakan tempurung kelapa sawit. Manakala Projek Alat Bantuan Orang buta pula adalah sejenis alat yang dapat membantu lebih kurang 45 juta orang buta di seluruh dunia untuk mengenali warna dan objek.

"Semasa dalam pameran itu, beberapa syarikat daripada Perancis, Poland dan Switzerland berminat untuk mengkomersilkan kedua-dua ciptaan ini," katanya.